



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10/( 81 )

Tarikh : 09 September 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 10/2016 PENGURUSAN REKOD KONTRAK MENGGUNAKAN SISTEM E-REKOD KONTRAK


#### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal mengenai pengurusan rekod setiap kontrak Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dan pembayaran kontrak dengan menggunakan Sistem E-Rekod Kontrak bagi merekod dan mengemaskinikan semua butiran secara *on-line*.

#### 2. LATARBELAKANG

- 2.1 Memandangkan Rekod Kontrak adalah bukti bagi mengawasi pembayaran, maka Seksyen Penyemakan Baucar, Jabatan Bendahari Negeri Sabah perlu merekodkan dan mengemaskinikan semua butiran perolehan dan pembayaran kontrak secara manual ke dalam Buku Rekod setiap kontrak Kerajaan mengikut Jabatan/Kementerian masing-masing. Begitu juga dengan Jabatan/Kementerian yang perlu menyelenggarakan Rekod Kontrak yang serupa secara manual;
- 2.2 Untuk mengelakkan pertindihan tugas dalam merekod butiran perolehan dan pembayaran kontrak dan juga mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Jabatan ini dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri telah membangunkan Sistem E-Rekod Kontrak.

12.....



### 3. SISTEM E-REKOD KONTRAK

- 3.1 Butiran-butiran dalam Sistem E-Rekod Kontrak adalah disertakan bersama ini untuk rujukan dan pelaksanaan;
- 3.2 Jabatan/Kementerian adalah dipertanggungjawabkan untuk merekod dan mengemaskinikan semua butiran perolehan dan pembayaran kontrak secara *on-line*;
- 3.3 Pejabat Pembayar hanya dapat *view* maklumat/butiran dan pembayaran kontrak yang telah direkodkan dan dikemaskinikan dengan lengkap dan tepat sebelum baucar yang berkenaan dapat diluluskan untuk bayaran;
- 3.4 Setiap butiran dalam Sistem E-Rekod Kontrak hendaklah diisi dan diverifikasikan oleh Pegawai yang telah diberi kuasa;
- 3.5 Memudahkan pihak Jabatan/Kementerian dan juga Pejabat Pembayar dalam melaksanakan tugas-tugas penyediaan dan penyemakan baucar bayaran;
- 3.6 Mengelakkan terlebih bayar dari sepatutnya;
- 3.7 Mengurangkan kuir daripada Pejabat Pembayar dengan Sistem E-Rekod Kontrak yang lengkap dan tepat; dan
- 3.8 Perlu ditegaskan bahawa Sistem E-Rekod Kontrak tidak menggantikan dokumen sokongan untuk menyokong Baucar Bayaran seperti yang dijelaskan dalam **Arahan Perbendaharaan 99**

### 4. PELAKSANAAN

- 4.1 Dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah, Unit Latihan dan juga Seksyen Penyemakan Baucar, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, beberapa latihan akan diadakan khas untuk semua anggota yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan/Kementerian untuk pengurusan Sistem E-Rekod Kontrak di Bilik Makmal ICT, JPKN;
- 4.2 Sistem E-Rekod Kontrak akan digunakan sepenuhnya bermula dari **tahun kewangan 2017**. Dari itu, semua Jabatan/Kementerian diminta untuk menguruskan rekod ini sebelum tarikh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan baucar dikuir dan tidak dapat diproses dalam masa yang telah ditetapkan iaitu empatbelas (14) hari dari tarikh tuntutan; dan
- 4.3 Manual Proses Kerja akan diberikan kepada anggota yang disyorkan oleh Jabatan/Kementerian semasa latihan diadakan.



## 5. PENUTUP

Sila berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Pembayaran dan penerimaan) melalui nombor telefon 088-272883, Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Korporat) melalui nombor telefon 088-272665 atau Akauntan Kanan Seksyen Penyemakan Baucar melalui no. Telefon 088-272670 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**

  
(CHUI NGET NGO)  
BENDAHARI NEGERI

s.k Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Wisma Kewangan  
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara,  
Cawangan Negeri Sabah  
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS  
88450 KOTA KINABALU

Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jln. Sembulan  
Peti Surat 128  
88592 KOTA KINABALU  
(u/p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian  
Beg Berkunci 2050  
88632 KOTA KINABALU  
(u/p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
90009 SANDAKAN  
(u/p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
88576 KOTA KINABALU  
(u/p: Ketua Akauntan)